



Rujukan Kami : SPA.(S)KT 015/95/(3)

Tarikh : 7 April 2015

Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 20-22, Lot 4G9, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Emmy Safina binti Salim)

Tuan,

**PERWAKILAN KUASA BAGI MENAWARKAN OPSYEN PERTUKARAN
PELANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL,
PENOLONG PEGAWAI PENYELIDIK SOSIAL, PEMBANTU PENYELIDIK
SOSIAL, PENYELIA JURUPAKAIAN DAN PEMBANTU MAKMAL FILEM DI
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA KE SKIM
PERKHIDMATAN YANG BAHARU**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.BPO(S)253/2/23-26 SK.6(7) bertarikh 11 Mac 2015 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia dalam mesyuarat yang ke-2708 pada 6 April 2015 telah **meluluskan** pertukaran pelantikan melalui opsyen kepada 34 orang pegawai dalam skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik Sosial, Penolong Pegawai Penyelidik Sosial, Pembantu Penyelidik Sosial, Penyelia Jurupakaian dan Pembantu Makmal Filem di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia seperti di **Lampiran A** ke Skim Perkhidmatan yang baharu.

3. Bagi melaksanakan opsyen tersebut, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah membuat keputusan berikut:

- (i) tarikh kuat kuasa tawaran opsyen adalah mulai **1 Januari 2015**;
- (ii) tempoh opsyen adalah selama **30 hari** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan;
- (iii) gaji yang ditawarkan adalah seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002;


- (iv) mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menawarkan opsyen kepada pegawai-pegawai yang terlibat; dan
- (v) mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk melaksanakan pengesahan dalam perkhidmatan kepada pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan yang terdahulu.

4. Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia hendaklah mengeluarkan surat tawaran opsyen, syarat-syarat opsyen dan borang opsyen kepada pegawai yang terlibat. Bagi membolehkan semua pegawai yang terlibat memahami setiap syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditawarkan, pihak tuan disyorkan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan perundingan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MENGGALAS TRANSFORMASI”

Saya yang menurut perintah,



(IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)
Bahagian Perkhidmatan
b.p. Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Malaysia.

☎ : 03-8885 6161
☎ : 03-88885039
✉ : ikhbal@spa.gov.my

s.k.:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Organisasi
Aras 8-10, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
(u.p.: Encik Makhzan bin Mahyuddin)